



ounded by pristine rainforests  
Tea Garden beckons you to  
s, away from the hustle and  
om the city of Kota Kinabalu,  
backdrop, Mount Kinabalu.  
Borneo and one of the few in  
ucational and fun, one where  
activities such as obstacle-  
rekking along the trails to the  
night walk to check out the  
is also perfect for business  
excellent facilities and top-  
er the stars or enjoy the three  
ness, comfort and a touch of  
handicrafts from the Bajau,  
groups. Also in the pipeline is  
e handicrafts of the Murut,  
e.

enjoy a cup of – what else?  
king view of hills and valleys.  
akes while checking your e-  
clude a conference room, a  
ard transactions for purchas-  
s court. A stone's throw away  
ests, including the historical  
and the rejuvenating Poring  
ctions and they will be more  
s or pleasure, the Sabah Tea  
periences and adventures. A  
Garden would be complete

, fax 088-423 448 or e-mail  
net.



Tempat-tempat Menarik

## Pulau Tiga

Sebelum ia terkenal sebagai lokasi musim pertama 'Survivor', sebuah rancangan realiti TV Amerika yang terkenal, Pulau Tiga sememangnya tempat menarik yang jarang diikunjungi oleh pelancong.

Pulau Tiga adalah yang terbesar di antara tiga pulau yang membentuk Taman Pulau Tiga, yang diwartakan sebagai taman marin pada 1933. Kaya dengan hidupan lautnya, taman ini sesuai untuk aktiviti selaman dan snorkeling.

Bentuk rendah dan bujur Pulau Tiga adalah disebabkan letusan kawah berapi lumpur dalam jangka waktu yang panjang. Beberapa kawah lahar lumpur masih boleh dilihat di puncak pulau tersebut. Ibu Pejabat Taman tersebut terletak di Pulau Tiga, ada kompleks pejabat, rumah kongsi pekerja dan sebuah rumah rehat untuk saintis yang datang berkunjung. Pengunjung boleh bermalam di Pulau Tiga Resort (yang menawarkan pelbagai pakej termasuklah pengangkutan menggunakan bot, hidangan makanan penuh dan kunjungan yang diiringi ke kawah lahar lumpur). Sementara berada di sana, jelajahilah pulau itu menerusi rangkaian laluan yang ditanda pada jarak 50 meter. Tempat penginapan boleh ditempah lebih awal untuk mengelak kekecewaan.

Pelbagai flora dan fauna di kepulauan itu sememangnya memukau. Selain Branded Sea Krait yang terkenal (sejenis ular laut), Pulau Tiga juga merupakan kediaman pelbagai spesis burung, termasuk Enggang Pied, Megapodes, Nightjard, Magpi Robbins dan Sunbirds. Anda juga mungkin terserempak dengan macque yang berekor panjang, musang terbang dan biawak. Hutannya dikuasai oleh ranggu dan keruing, selain bermacam jenis pokok buah-buahan termasuklah manggis, rambutan, ara, jambu dan langsung. Keindahan pagi boleh dilihat disebalik bakau dan pokok aru di sini.

Bagaimana untuk ke sana: Pulau Tiga terletak tepat 50km di selatan Kota Kinabalu. Anda boleh sampai di sana terus dari Kota Kinabalu menaiki bot. Selain itu memandu 140km ke Kuala Penyu dan mengambil masa 45 minit menaiki bot dari hujung Semenanjung Klias ke Pulau Tiga.

Terdapat 2 tempat penginapan di Pulau Tiga. Maklumat hubungan seperti berikut:

**Borneo Survivor Resort**, no. telefon 088-230806 / 268985  
e-mel: borneosr@sabah.com.my / neubay@tm.net.my,  
borneosr@streamyx.com atau layari laman web  
www.borneosurvivor.com.my

**Pulau Tiga Resort**, no. telefon:088-240584 / 218710,  
emel:rsvn@pulautiga.com.my atau layari laman web:  
http://www.pulautiga.com.my  
Rujukan: www.sabahparks.org.my



## Borneo Tens ke-8 & Borneo Women 7's Pertama 2008, 8-9 November

Edisi ke-8 salah satu kejohanan ragbi paling dinanti-nantikan di Malaysia berlangsung di Kelab Ragbi Sandakan bulan ini. Dianjurkan bersama oleh IJM Plantations dan Kelab Ragbi Sandakan dan diiktiraf oleh Persatuan Ragbi Malaysia, pasukan-pasukan utama dari seluruh dunia akan berada di Sabah untuk beraksi dalam perlawanan sukan yang menarik ini. Antaranya termasuklah Davetalevu dari Fiji, Mustangs dari Afrika Selatan, Legends dari Australia, Harlequins dari Kenya, Country Brown Kings dari Australia dan Penguins International dari UK. Tahun ini akan menyaksikan pertandingan ragbi wanita pertama diadakan di Sabah, iaitu Women Sevens. Pemain-pemain berbakat juga akan meluangkan masa untuk mengunjungi sekolah-sekolah tempatan dan berkongsi kemahiran dan tip permainan kepada peminat-peminat muda. Jangan lepaskan Karnival Ragbi menarik ini yang akan berlangsung di padang pada pertandingan dua hari ini, menentang perlawanan dan cabutan bertuah untuk dinikmati semua. Kemasukan adalah percuma jadi pastikan bawa keluarga dan rakan-rakan anda bersama menyaksikan acara bersemangat ini! **Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Sekretariat di talian 089-667721 sambungan 315. E-mel benno@ijm.com atau borneocobra10s@yahoo.com**

## Restoran Stimbot Dong Yang



Peminat stimbot Korea pasti gembira dengan adanya sebuah restoran baru untuk dicuba. Restoran Steamboat Dong Yang, terletak di Likas Golf Driving Range, hanya 10 minit dari pusat bandar. Restoran ini menawarkan pelbagai makanan laut segar seperti ketam, udang, sotong dan ikan. Anda juga boleh meminta filet ayam, dadih, telur, nasi atau nasi goreng, makaroni dan bermacam jenis sayuran untuk dimakan bersama makanan laut anda. Hidangan stimbot didatangkan dengan pot atas meja dengan pilihan dua adunan lazak untuk dimasak bersama – satu adunan lazak ayam, bebola ikan, udang dan ikan bilis, manakala satu lagi perisan masam manis sotong, lada dan lemon. Pastikan anda kenyang kerana ia adalah stimbot di mana anda boleh makan apa saja, dan kakitangan yang peramah akan mengisi periuk dan pinggan anda dengan makanan laut segar!

Dong Yang terletak di Likas Golfing Driving Range, Jalan Kompleks Sukan, Kota Kinabalu. Ia dibuka setiap hari dari 11.00 pagi sehingga 3.00 petang dan 6.00 petang sehingga 10.00 malam. Restoran ini juga menyediakan khidmat pengangkutan untuk pelanggan dalam kawasan Kota Kinabalu. Untuk tempahan dan pertanyaan, hubungi 088-247004 atau 017-8211004.